

Tender MRT3 dilanjutkan hingga 8 Jan.

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Tender bagi projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3) masih dibuka malah dilanjutkan sehingga 8 Januari 2018 berbanding tarikh asal iaitu 29 Disember ini berikutan permintaan yang menggalakkan daripada pemain industri dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Seri Shahril Mokhtar (**gambar**) berkata, pihaknya menjangka dapat mengumumkan pembida yang berjaya pada Februari tahun depan dengan kerja-kerja pembinaan bermula pada suku ketiga 2019.

Menurutnya, tender berkenaan merupakan tender terbuka antarabangsa dan terpulang untuk mana-mana syarikat yang mempunyai kelayakan serta kemampuan untuk terlibat sama dalam pembangunan projek itu.

“Setakat ini, terdapat 16 syarikat iaitu dari Malaysia, Eropah, China dan Jepun telah membeli



borang tender berkenaan, namun kami masih belum menerima apa-apa bidaan daripada mana-mana syarikat itu buat masa ini.

“Tender bagi projek ini (MRT3) masih dibuka dan keputusan untuk memberikannya kepada mana-mana pihak juga belum dilakukan kerana

tiada bidaan yang diterima.

“Jadi, khabar angin mengatakan MRT Corp. telah menutup tender dan memberikannya kepada syarikat dari China adalah tidak benar, malah kami melanjutkan tarikh penghantaran tender bagi memudahkan urusan semua pihak yang mahu terlibat sama,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai

khabar angin mengatakan tender bagi projek MRT3 telah ditutup awal daripada tarikh asal dan sebuah syarikat dari China telah berjaya membida bagi membangunkan projek tersebut.

MRT Corp. sebelum ini mengumumkan semua syarikat tempatan termasuk bumiputera layak untuk menyertai tender MRT3 di bawah struktur baharu melalui kontrak siap guna atau *turnkey* yang diperkenalkannya.

Struktur yang dikenal pasti berupaya untuk menjimatkan berbilion ringgit itu membolehkan syarikat tempatan membentuk konsortium bersama dengan syarikat asing terutama melibatkan sistem kerja-kerja komponen bagi membida tender projek itu.

MRT Corp pada 6 November lalu menyiarkan notis tender berkaitan MRT3, yang mana antaranya menyatakan ia akan mengguna pakai struktur kontraktor tunggal dengan syarikat perlu mengemukakan pakej pembiayaan sehingga 90 peratus daripada jumlah kos MRT3 untuk sekurang-kurangnya tempoh 30 tahun bayaran semula dan diper-setujui dengan moratorium bagi lapan tahun pertama.